


TM sentai konsortium sistem kabel dasar laut SEA-ME-WE 6

Oleh [Alzahrin Alias](#) - Februari 21, 2022
zahrin@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Telekom Malaysia Bhd (TM) menjadi sebahagian daripada konsortium untuk sistem kabel dasar laut Asia Tenggara-Tengah-Eropah Barat 6 (SEA-ME-WE 6).

SEA-ME-WE 6 menghubungkan Malaysia dengan Singapura, Bangladesh, India, Sri Lanka, Maldives, Pakistan, Oman, Djibouti, Arab Saudi, Mesir dan Perancis.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TM, Imri Mokhtar, berkata TM telah menandatangani perjanjian pembinaan dan Penyelenggaraan (C&MA) dengan semua ahli konsortium baru-baru ini.

Beliau berkata, SEA-ME-WE 6 akan menyertai senarai pelaburan TM dalam sistem kabel dasar laut termasuk SEA-ME-WE 3, SEAME-WE 4, SEA-ME-WE 5 serta banyak lagi laluan kabel antarabangsa di seluruh dunia.

"TM sentiasa berada di barisan hadapan dalam menjadikan negara sebagai pintu masuk yang ideal untuk menghubungkan negara kepada dunia serta membolehkan pemain teknologi global menyampaikan perkhidmatan digital yang inovatif ke Malaysia."

"Pelaburan dalam SEA-ME-WE 6 akan membolehkan kami menangani keperluan kapasiti untuk memenuhi peningkatan permintaan digital masa depan di seluruh Asia dan Eropah disamping terus menyediakan penyelesaian sambungan global yang boleh dipercayai, pelbagai dan tidak terganggu kepada pelanggan," katanya.

Imri berkata, SEA-ME-WE 6 itu juga akan membolehkan TM menyokong penggunaan pusat data 'hyperscalers' serta keperluan rangkaian 5G.

Beliau berkata, kabel dasar laut SEA-ME-WE 6 akan mendarat di stesen pendaratan kabel baharu TM di Morib, tambahan terkini kepada empat stesen pendaratan kabel antarabangsa TM yang sedia ada di negara ini.

Ia katanya berada di kedudukan strategik berdekatan dengan Lembah Klang, yang menjadi lokasi utama kebanyakan pusat data hyperscaler.

Pelaburan baharu itu juga katanya akan membantu merealisasikan aspirasi TM untuk menjadikan Malaysia sebagai hab digital serantau dengan memudahkan lebih banyak kabel dasar laut mendarat di Malaysia.

"Ini juga menunjukkan komitmen TM terhadap inisiatif MyDIGITAL bagi menarik lebih banyak kabel dasar laut antarabangsa mendarat di Malaysia," katanya.